

Mencari Rezeki Halal Sebagai Penghantar Makanan



Oleh: Muhammad Fakhru Syafiq

Universiti Sains Islam Malaysia

Diterbitkan pada 16 Julai 2021

Salah satu kesan pandemik COVID-19 terhadap Malaysia adalah dari segi ekonomi. Sekatan yang dikenakan berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menyebabkan sebahagian besar sektor ekonomi tidak dapat beroperasi.

Akibatnya, ada majikan yang tidak lagi mampu meneruskan operasi dan terpaksa membuang pekerja sehingga mencetuskan masalah pengangguran.

Hampir 100,000 rakyat Malaysia kehilangan pekerjaan tahun lalu. Antara pekerjaan atas talian dan fleksibel pada musim Covid-19 ini adalah menjadi dropship, ejen, pengedar dan penghantar makanan bagi sesebuah syarikat.

Seperti yang kita sedia maklum, antara syarikat yang terkenal dalam bidang penghantaran makanan di Malaysia adalah foodpanda dan Grabfood.

Sedikit pengenalan mengenai foodpanda dan Grabfood. foodpanda adalah jenama dan platform pengangkutan makanan di bawah Delivery Hero.

Ibu pejabatnya berada di Berlin, Jerman, dengan 20 pengeluar di sekitar 50 negara di empat benua. Delivery Hero memperoleh jenama foodpanda yang sekarang ini digunakan di Asia, Bulgaria dan Romania pada bulan Disember 2016.

Manakala Grab Holdings yang juga dikenali sebagai Grab, adalah sebuah organisasi multinasional yang berpusat di Singapura.

Selain pengangkutan, organisasi ini juga menawarkan perkhidmatan penghantaran makanan dan pembayaran digital melalui applikasi.

Bermula pada tahun 2012 sebagai aplikasi MyTeksi yang sepenuhnya berpusat di Kuala Lumpur, ia diperluas ke GrabTaxi 12 bulan berikutnya.

Sejak itu, operasinya semakin berkembang. Pada tahun 2014, ibu pejabat berpindah ke Singapura. Ia beroperasi khususnya di Asia Tenggara.

Seperti yang dijelaskan oleh Pengarah Urusan foodpanda Malaysia, Sayantan Das, syarikat itu juga merancang untuk memperluaskan operasi penghantaran makanannya di seluruh Malaysia

foodpanda menyatakan semangat dan penghargaan atas layanan kakitangan, walaupun mereka harus meredah hujan dan panas, tetapi selalu menawarkan perkhidmatan yang berkualiti tinggi.

Kakitangan foodpanda diminta untuk selalu berhati-hati dalam menghantar dan menangani kecergasan sesuai dengan prosedur operasi standard (SOP) yang dikuatkuasakan oleh kerajaan.

Makanan yang dicari melalui cara yang halal selalu lebih daripada cukup, walaupun harganya murah pada pandangan mata kasar.

Islam menuntut kita agar mengutamakan aspek halal dalam mencari rezeki dan menjauhkan diri daripada pekerjaan yang haram.

Kita seharusnya mengetahui bahawa setiap orang telah ditetapkan rezekinya, dan seharusnya menjauhkan diri daripada meminta-minta agar tidak menyusahkan orang lain.

Tidak kisahlah apa sahaja pekerjaan yang dilakukan oleh seseorang individu, pekerjaan itu mestilah halal dan tidak melanggar undang-undang yang telah dikuatkuasakan di negara ini.